



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

**SEMPENA**

**MAJLIS SAMBUTAN JUBLI EMAS 50 TAHUN  
LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)**

**WISMA LKIM**

**1 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

Terima kasih Tuan / Puan Pengacara Majlis.

## **SALUTASI**

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

**YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

**YANG BERTHORMAT DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL**

Pengerusi

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**YBHG. DATO' HASLINA BINTI ABDUL HAMID**

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI)

**YANG BERUSAHA TUAN YUSOFF BIN OTHMAN**

Ketua Pengarah

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABDUL HAMID BAHARI**

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT)

Pegawai-Pegawai Kementerian dan LKIM,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, /Tuan/Puan yang dihormati sekalian.

1. Pertamanya, saya zahirkan ucapan terima kasih kepada seluruh warga LKIM kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama secara fizikal dan maya bagi meraikan dan menyempurnakan **Majlis Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)**.
2. Di kesempatan ini, saya rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga kerja LKIM sedari penubuhannya hingga kini atas segala jasa dan **khidmat bakti sama ada dari segi penyampaian perkhidmatan mahupun pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti serta pencapaian kejayaan yang telah direkodkan sepanjang tempoh 5 abad atau 50 Tahun ini.**

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

3. Meniti usia 50 tahun, kewujudan LKIM dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah penting kepada industri perikanan negara apabila menjadi titik tolak kepada usaha peningkatan taraf hidup dan kedudukan sosioekonomi nelayan sehingga menjadikannya agensi yang komited memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi golongan ini.
4. Walaupun berdepan pelbagai cabaran, tempoh 50 tahun yang dilalui LKIM sejak penubuhannya pada 1 November 1971 telah memperlihatkan betapa agensi ini berusaha keras dalam meningkatkan pendapatan nelayan dan menjaga kesejahteraan golongan ini, sekali gus terus mengembangkan dan memajukan sektor perikanan negara secara keseluruhannya.
5. Maka sudah pasti, **Kejayaan LKIM berkait rapat dan telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi nelayan dari semasa ke semasa** menerusi pelbagai program dan inisiatif dalam meningkatkan produktiviti tangkapan hasil laut dan mempelbagaikan sumber pendapatan nelayan dan keluarga nelayan melalui pelbagai bidang di keseluruhan rantai perikanan termasuk aktiviti agropelancongan, akuakultur, pemprosesan, perdagangan serta industri hiliran.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

6. Bagi tahun 2021, **MAFI melalui LKIM telah memperuntukkan sebanyak RM6.43 juta untuk baikpulih rumah nelayan dan pembinaan rumah baharu kepada nelayan bagi seluruh negara** di bawah Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN). Projek PKPN ini dilaksanakan oleh LKIM bagi membantu nelayan yang berpendapatan rendah untuk membaikpulih rumah dan membina rumah baharu. Selain daripada itu, program ini juga bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat nelayan khususnya yang kurang berkemampuan.
7. Secara keseluruhan, selain PKPN, **MAFI melalui LKIM juga telah memperuntukkan lebih RM 150 juta pada tahun ini** bagi bantuan dan insentif kepada masyarakat nelayan seluruh negara yang merangkumi Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN), Subsidi Minyak Diesel dan Petrol, Dana Nelayan, Tabung Bencana dan Kebajikan Nelayan, Projek Tanaman Kotan, bantuan Projek Ekonomi Kumpulan Nelayan dan Program *Food Basket* Nelayan.

8. ESHN pada tahun ini juga telah dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 sebulan untuk nelayan laut yang telah **memberi manfaat kepada lebih 40 ribu nelayan laut.**
9. Pada masa yang sama, **Kerajaan juga buat julung kalinya juga telah memperluaskan Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) oleh PERKESO kepada golongan nelayan** di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 yang dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia. Skim ini memberikan perlindungan kepada nelayan dan keluarga daripada sebarang bencana pekerjaan dan kemalangan. Setakat ini, sejumlah 35,238 orang nelayan yang juga merupakan penerima ESHN telah mencarum di bawah SKSPS ini dengan nilai bayaran sejumlah RM5.5 juta.

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

10. Selari dengan hasrat **MAFI bagi menjadikan sektor pertanian dan industri makanan termasuk sektor perikanan sebagai penyumbang utama ekonomi negara**, pelbagai lagi program dan pendekatan baharu telah dirangka bagi meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi serta memenuhi piawaian.
11. Usaha pembangunan **sektor perikanan akan terus diberi penekanan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).** Sektor agromakanan dijangka berkembang dengan peningkatan produktiviti melalui **penggunaan teknologi dan mekanisasi dalam aktiviti pertanian termasuk aktiviti perikanan.**
12. Dalam usaha meningkatkan kemampunan sumber perikanan negara pula, DAN 2.0 telah merangka pelbagai strategi, di mana antara **strategi utamanya adalah mengimbangi nisbah pendaratan ikan marin dan akuakultur dengan nisbah 60:40.** Selain itu, **keupayaan pemantauan, kawalan dan pengawasan (MCS) di sekitar kawasan marin akan dipertingkatkan bagi mengekalkan biodiversiti dan ekosistem yang menjadi sumber perikanan.**
13. Melangkah ke hadapan, sistem makanan negara perlu diperkukuh supaya lebih berdaya tahan dan mampan, terutama sebagai persediaan menangani apa jua krisis semasa atau yang mungkin berlaku pada masa akan datang.
14. Dalam hal ini, **MAFI sedang melaksanakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (Pelan DSMN)** sebagai usaha

memperkuh daya tahan sistem makanan negara dengan menggariskan lima teras strategik iaitu perluasan pengguna teknologi; pemerksaan kajian dan penyelidikan; pemerksaan data sekuriti makanan; perluasan kolaborasi strategik; serta pengukuhan governans jabatan dan agensi.

15. **MAFI sentiasa berusaha dan komited** untuk terus memastikan peningkatan pengeluaran dan bekalan makanan pertanian termasuk hasil perikanan sentiasa mencukupi bagi terus **menjamin sekuriti makanan negara.**

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

16. Kerajaan tidak pernah meminggirkan nelayan yang merupakan salah satu pemain industri yang sangat penting dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara.
17. Dalam hal ini, **Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak 4.82 bilion ringgit kepada MAFI dalam Bajet 2022** yang diumumkan baru-baru ini oleh YB Menteri Kewangan. Secara khususnya, **MAFI akan menerima 1.7 bilion ringgit bagi pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun 2022.** Tambahan lagi, **Kerajaan juga memperuntukkan dana khas sebanyak 120 juta ringgit** yang antara lain, bagi tujuan program pembangunan industri akuakultur dan kerang.
18. Oleh yang demikian, bagi memastikan segala dasar, pelan dan peruntukan yang disalurkan ini dapat dilaksana dengan jayanya, **semua jabatan dan agensi di bawah MAFI perlu memainkan peranan dengan baik dan berkesan.**
19. Saya menyeru **warga LKIM** agar kita bersama-sama **MAFI** sebagai **sebuah pasukan untuk memberikan khidmat yang terbaik demi kelangsungan prestasi sektor agromakanan negara.**
20. Malah, dengan adanya Sambutan Jubli Emas 50 Tahun LKIM ini, saya berharap ia dapat menyuntik lagi semangat warga LKIM untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan tenaga terhadap pembangunan nelayan dan industri perikanan negara khususnya.
21. Akhir kata, saya yakin dan percaya, **LKIM akan terus menjadi Peneraju Pembangunan Nelayan dan Industri Perikanan Negara,** sesuai dengan misi penubuhannya untuk:
  - (a) **Pertama, membentuk masyarakat nelayan maju, berdikari dan progresif;**

- (b) **Kedua, meningkatkan pengeluaran dan memastikan bekalan ikan negara mencukupi serta memenuhi piawaian;**
  - (c) **Ketiga, menyediakan kemudahan infrastuktur perikanan moden dan bersepadu; dan**
  - (d) **Akhirnya, melahirkan modal insan yang kompeten.**
22. Sesungguhnya, LKIM akan terus memainkan peranan sebagai agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk **memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dan memajukan perusahaan perikanan negara** serta memastikan bekalan ikan negara mencukupi sepanjang masa.
23. Dengan kata-kata itu, saya dengan **Sukacitanya Merasmikan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia.**

Sekian, Terima kasih.